

TANGGUNGJAWAB PESALAH KANAK-KANAK DALAM UNDANG-UNDANG ROGOL DI MALAYSIA: ANALISIS MENURUT PERSEPKTIF SYARIAH

*The Responsibility of Child Offenders in Malaysian Rape Law: An Analysis
aNufrom Shariah Perspective*

Nur Aina Abdulah^{1a*,b}, Nur Al-Farhain Kamaruzaman^{2c,d}, Mashitah Abdul Mutalib^{3e} dan
Nurul Ain Hazram^{4f}

^aFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai,
71800 Nilai, Negeri Sembilan, MALAYSIA

^bInstitut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Emel: nuraina.abdulah@usim.edu.my¹

^cFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
^dInstitut Fatwa dan Halal (IFFAH), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Emel: farhain@usim.edu.my²

^eFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM),
Emel: mashitahmutalib@usim.edu.my³

^fFakulti Syariah dan Undang-undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)
Emel: ainhazram@usim.edu.my⁴

*Corresponding Author: nuraina.abdulah@usim.edu.my

Received: 3 August 2023

Accepted: 5 September 2023

Published: 30 September 2023

DOI: <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol.28no3.554>

| Abstrak | Abstract |
|--|--|
| <p>Definisi pesalah rogol dalam Kanun Keseksaan Malaysia yang dibaca bersama Seksyen 113, Akta Keterangan 1950 menganggap kanak-kanak di bawah umur tiga belas tahun tidak berupaya melakukan melakukannya dengan sangkaan yang tidak boleh dipatahkan. Ia bermakna mereka terlepas daripada tanggungjawab terhadap kesalahan tersebut. Permasalahannya adalah terdapat kes-kes rogol yang melibatkan pesalah kanak-kanak ini terjadi berdasarkan laporan berita yang diterima kebelakangan ini. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menganalisis isu tanggungjawab jenayah dalam</p> | <p>The definition of rape offender in the Malaysian Penal Code read together with Section 113, Evidence Act 1950 considers children under the age of thirteen to be incapable of committing rape with irrefutable presumption. It means that they are exempted from criminal responsibility. The problem statement is there are rape cases involving child offenders based on recent news reports. Therefore, this study aims to analyze the issue of criminal responsibility in rape legislation according to the Shariah perspective. Qualitative research methodology is adapted with data collection methods through content analysis and expert</p> |

| | |
|--|---|
| <p>perundangan rogol menurut perspektif Syariah. Metodologi kajian kualitatif digunakan dengan kaedah pengumpulan data secara analisis kandungan dan tembual pakar. Hasil kajian mendapati Seksyen 113, Akta Keterangan yang menganggap kanak-kanak di bawah umur tiga belas tahun tidak berupaya melakukan melakukan rogol adalah tidak selari dengan prinsip Syariah dan peredaran zaman. Ia dicadangkan untuk dipinda atau dimansuhkan.</p> <p>Kata kunci: pesalah kanak-kanak, rogol, syariah, seksyen 113 Akta Keterangan, tanggungjawab jenayah</p> | <p>interviews. The results of the study found that Section 113 of the Evidence Act, which considers children under the age of thirteen to be incapable of committing rape, is not in line with Shariah principles and the passage of time. It is proposed to be amended or revamped.</p> <p>Keywords: child offenders, criminal responsibility, rape, section 113 Evidence Act Shariah</p> |
|--|---|

1. PENGENALAN

Perundangan jenayah rogol di Malaysia termaktub di bawah Seksyen 375, Kanun Keseksaan dengan takrifan bahawa hubungan seks yang dilakukan oleh seorang lelaki dengan seorang wanita tanpa kehendaknya atau tanpa persetujuannya. Definisi perogol ini perlu dibaca bersama dengan Seksyen 113, Akta Keterangan 1950 yang membawa anggapan yang tidak boleh disangkal atau dipatahkan (*irrefutable*) bahawa kanak-kanak lelaki di bawah umur tiga belas tahun tidak berupaya melakukan kesalahan jenayah rogol seperti berikut;

1.2 Anggapan Bahawa Budak Lelaki Yang Berumur Di Bawah Tiga Belas Tahun Tidak Berupaya Melakukan Rogol

Menjadi suatu anggapan undang-undang yang tidak boleh patah bahawa seseorang budak lelaki yang berumur di bawah tiga belas tahun tidak berupaya melakukan rogol.

Maka, berdasarkan seksyen tersebut, pesalah kanak-kanak lelaki di bawah umur tiga belas tahun yang melakukan kesalahan rogol tidak akan dikenakan apa-apa tindakan atau pertuduhan. Tiada tanggungjawab jenayah ke atas mereka kerana telah dianggap oleh undang-undang sebagai individu yang tidak berupaya melakukan rogol.

Permasalahannya adalah laporan berita semasa menunjukkan terdapatnya kes-kes rogol terjadi yang melibatkan perogol kanak-kanak lelaki di bawah umur tiga belas tahun (Harian Metro, 2 July 2019, Berita Harian, 15 Ogos 2019,

Astro Awani online, 18 Januari 2107, The Star Online, 27 Julai 2017, Berita Harian online, 11 September 2017). Malah, kajian daripada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) mendapati bahawa kanak-kanak lelaki pada hari ini mencapai baligh lebih awal berbanding dahulu, iaitu seawal umur sembilan tahun setengah (The Star Online, 11 Julai 2010). Ini menunjukkan tahap kematangan seksual mereka yang lebih awal. Keadaan bertambah buruk lagi dengan kemudahan internet dan akses kepada bahan-bahan lucah yang merangsang pemikiran dan keinginan mereka untuk mencuba (Nor Ezdianie Omar & Muhammad Noh Abdullah, 2020; Thanuseeyah Varatharajoo & Hilwa Abdullah @ Mohd Nor, 2020; Wan Abdul Fattah Wan Ismail et al., 2023). Segalanya boleh didapati dengan telefon pintar pada bila-bila masa sahaja tanpa kawalan. Oleh sebab itu, objektif kajian ini adalah untuk menganalisis isu tanggungjawab pesalah kanak-kanak dalam perundangan rogal ini menurut perspektif Syariah.

2. METODOLOGI

Kajian ini bersifat kualitatif dengan reka bentuk analisis kandungan (*content analysis*). Pengumpulan data kajian diperolehi daripada dua metod; analisis dokumen dan temubual. Dokumen yang digunakan adalah buku-buku fiqh turath dan kontemporari empat mazhab, serta akta perundangan, seperti Kanun Keseksaan dan Akta Keterangan. Manakala, temubual pula dijalankan secara separa berstruktur terhadap sembilan orang pakar yang terdiri daripada tujuh ahli akademik, seorang hakim, dan seorang agamawan. Seterusnya, data kajian dianalisis secara deskriptif dan tematik berpandukan kepada objektif kajian dengan bantuan perisian Atlas.ti sebagai pemudahcara.

3. DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Menurut pandangan Syariah, tanggungjawab jenayah terhadap seseorang akan dikenakan sekiranya dia memenuhi dua elemen penting. Elemen pertama; kefahaman (*idrāk*) terhadap jenayah yang dilakukan, dan elemen kedua; bertindak atas kehendak atau pilihan diri sendiri (*ikhtiyār*) ('Awdah, 2005).

Manakala, definisi kanak-kanak atau dalam istilah bahasa Arab, *ṣabiyy*, adalah orang yang belum mencapai umur baligh, dan ia dibahagikan mengikut dua kategori. *ḡair mumayyiz* dan *mumayyiz*. Kanak-kanak *ḡair mumayyiz* adalah mereka yang tidak mampu untuk membezakan sesuatu perkara antara baik dan buruk. Kategori ini terdiri daripada bayi sehingga umur enam tahun. Sementara itu, kanak-kanak *mumayyiz* pula adalah mereka yang mampu dan

berkeupayaan untuk membezakan dan menilai baik dan buruknya sesuatu perkara yang kebiasaananya bermula daripada umur tujuh tahun (Al-Zuhaily, 2008; Zaidan, 2006). Dari segi kelayakan (*ahliyah*), kanak-kanak *gair mumayyiz* dan *mumayyiz* tergolong dalam kategori *ahliyah al-ādā' al-nāqiṣah*, iaitu individu yang masih belum mencapai tahap keupayaan dan kesempurnaan dalam melakukan sesuatu perbuatan disebabkan faktor umur dan belum baligh (Al-Zuhaily, 2008; 'Awdah, 2005).

Berdasarkan kepada kategori kanak-kanak tersebut, maka, tahap tanggungjawab jenayah juga berbeza. Bagi kanak-kanak *gair mumayyiz*, tiada tanggungjawab ke atas mereka. Manakala, bagi kanak-kanak *mumayyiz*, mereka telah boleh dipertanggungjawabkan terhadap kesalahan atau jenayah yang dilakukan walaupun bukanlah tanggungjawab penuh seperti orang dewasa. Ia berdasarkan kepada faktor keupayaan kefahaman mereka yang masih rendah (*idrāk al-da'iṭ*). Dari segi bentuk hukuman, pesalah kanak-kanak tidak akan dikenakan hukuman hudud tetapi perlu dikenakan tindakan tatatertib atau disiplin (*mas'ūliyyah ta'dībiyyah*). Ini adalah bertujuan untuk melatih mereka agar tidak mengulangi kesalahan yang sama pada masa akan datang. Dalam kes-kes kesalahan dan jenayah yang melibatkan kerosakan terhadap hak dan harta benda orang lain yang dilakukan oleh kanak-kanak *mumayyiz* dan *gair mumayyiz*, tanggungjawab terhadap kerosakan tersebut seperti ganti rugi akan tetap dikenakan kerana mereka telah tergolong dalam kategori *ahliyah wujūb al-kāmilah*, iaitu kelayakan sempurna dalam menunaikan hak. Namun begitu, tanggungjawab pampasan atau ganti rugi tersebut diletakkan ke atas waris atau keluarga kanak-kanak tersebut ('Awdah, 2005).

Kanak-kanak yang telah mencapai tahap kemajuan fikiran dan mengalami tanda semula jadi baligh (keluar air mani bagi lelaki dan darah haid bagi perempuan) adalah diklasifikasikan sebagai seorang yang dewasa dan mukalaf di sisi Syariah. Ketika itu, mereka bukan lagi kanak-kanak, *sabiyy*. Ini adalah berdasarkan kepada hadis berikut:

"رُفِعَ الْقَلْمَنْ عَنْ ثَلَاثَةِ عَنِ النَّائِمِ حَتَّىٰ يَسْتَيْقِظَ وَعَنِ الْمُبَتَلِي حَتَّىٰ يَبْرُأُ وَعَنِ الصَّبِيِّ حَتَّىٰ يَكْبِرُ"

Maksudnya: "Tiga kategori manusia yang tidak diperhitungkan perbuatan mereka; seseorang yang tidur sehingga dia terjaga, dan seseorang yang gila sehingga dia sembuh, dan seseorang kanak-kanak sehingga dia besar (mencapai baligh)" (Sunan Abū Dāwūd, 2007).

Baligh menurut merupakan pengakhiran kepada tempoh kanak-kanak (Al-Turi, 1997) dan permulaan kepada kelayakan tanggungjawab penuh terhadap

segala perintah dan larangan Allah (al-Nawawī, 1990). Walau bagaimanapun, sekiranya kanak-kanak tersebut sudah meningkat remaja tetapi masih belum didatangi air mani dan darah haid, maka, penentuan umur majoriti baligh akan digunakan. Penentuan ini terbahagi kepada beberapa pendapat fuqaha'. Pada pandangan Imam Abu Hanifah, umur majoriti baligh adalah tujuh belas tahun bagi perempuan dan lapan belas atau sembilan belas tahun bagi lelaki (Ibn Nujaim, 1971; Al-Marghinani, t.t; Mula Khasru,t.t). Manakala, majoriti ulama' mazhab Maliki pula menetapkan umur lapan belas tahun bagi lelaki dan perempuan (Al-Hutab Al-Ru'aini, 1992). Sementara, mazhab Syafi'e dan Hanbali pula bersatu pendapat dengan umur lima belas tahun (Al-Shafi'i, 2002; Al-'Uthaimin, 1997). Pandangan ini adalah berdasarkan kepada hadis yang diriwayatkan oleh Ibnu Omar bahawa Rasulullah s.a.w. hanya membenarkannya untuk keluar berjuang di medan perang ketika umur lima belas tahun seperti berikut:

حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ حَنْبِيلٍ، حَدَّثَنَا يَحْيَى، عَنْ عَبْدِ اللَّهِ، قَالَ أَخْبَرَنِي نَافِعٌ، عَنْ ابْنِ عُمَرَ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عُرِضَ إِلَيْهِ أَخْدٍ وَهُوَ ابْنُ أَرْبَعَ عَشْرَةَ سَنَةً فَلَمْ يُجْزِهِ وَعْرِضَهُ يَوْمَ الْخُنَدَقِ وَهُوَ ابْنُ حَمْسَ عَشْرَةَ سَنَةً فَأَجَازَهُ.

Maksudnya: "Ketika dia menawarkan diri pada Rasulullah s.a.w untuk turut menyertai perang Uhud sewaktu umur empat belas tahun, Baginda tidak membenarkannya. Walau bagaimanapun, ketika dia menawarkan diri untuk menyertai perang Khandak sewaktu berumur lima belas tahun, Baginda telah mengizinkannya." (Abū Dāwūd, 2007; Ibn Hibban, 1988)

Oleh yang demikian, kanak-kanak lelaki yang berumur tujuh tahun dan ke atas adalah dikira sebagai kanak-kanak mumayyiz kerana telah dapat membezakan sesuatu perkara antara baik dan buruknya. Maka, tanggungjawab ke atasnya telah bermula walaupun tidak sempurna (*ahliyah al-ādā' al-nāqiṣah*). Ini termasuklah dalam kes-kes kesalahan atau jenayah yang dilakukannya. Hukuman atau tindakan disiplin tatatertib tetap perlu dikenakan ke atas mereka sebagai pengajaran, tetapi pada kadar yang bersesuaian dan tidak sama seperti orang dewasa. Ini menunjukkan bahawa Syariah tidak mengambil enteng atau memandang rendah pada perlakuan salah kanak-kanak mumayyiz. Mereka perlu diberi perhatian dan didikan serta pengajaran tidak mengulanginya lagi pada masa hadapan ketika dewasa kelak. Pada masa yang sama, Syariah tetap mengiktiraf ketidakmatangan kanak-kanak mumayyiz dengan membezakan hukuman mereka daripada orang dewasa.

Maka, Seksyen 113 Akta Keterangan ini tidak bertepatan dengan prinsip Syariah dan peredaran zaman pada hari ini. Akses kepada bahan-bahan

seksual dan lucah terlalu mudah untuk didapati dengan hanya telefon pintar di tangan tanpa kawalan. Tambahan pula dengan dapatan kajian dari Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) yang menunjukkan bahawa kanak-kanak lelaki pada masa kini telah mula baligh seawal usia sembilan tahun setengah. Anggapan bahawa kanak-kanak lelaki di bawah umur tiga belas tahun tidak berupaya melakukan rogol seperti dalam seksyen 113 ini sudah tidak relevan lagi dengan peredaran zaman. Malah, ia dibuktikan lagi daripada laporan berita yang menunjukkan terjadinya kes-kes rogol yang melibatkan pesalah kanak-kanak lelaki di bawah umur tiga belas tahun. Oleh itu, mereka tidak seharusnya dilepaskan begitu sahaja disebabkan peruntukan pada seksyen ini. Keluarga pesalah juga turut perlu bertanggungjawab ke atas kesalahan rogol dengan membayar ganti rugi yang sewajarnya kepada mangsa rogol.

Sementara itu, hasil temu bual turut mendapati bahawa pakar-pakar juga tidak bersetuju dengan Seksyen 113, Akta Keterangan yang menyangkal dakwaan kanak-kanak di bawah umur tidak berupaya melakukan jenayah rogol dengan sangkaan yang tidak boleh dipatahkan. Berikut dibentangkan petikan daripada data temu bual:

1. Pakar A menyifatkan bahawa Seksyen ini adalah terlalu lama, ketinggalan zaman dan perlu dipinda. Ia tidak selari lagi dengan perubahan zaman dan kecanggihan teknologi pada hari ini;

“Akta Keterangan ini telah diperkenalkan di Malaysia pada 1950 dahulu dengan berpandukan kepada Akta Keterangan India 1894.. dan sehingga kini akta ini masih digunakan, sedangkan negara New Zealand dan United Kingdom pun telah pindah dan hapuskan seksyen ini. Pada saya, seksyen ini telah pun ketinggalan zaman dan perlu dipinda sesuai dengan kemodenan teknologi pada masa kini...Ia perlu dimansuhkan kerana selagi mana seseorang kanak-kanak lelaki boleh memahami perlakuan seksual tersebut, maka itu adalah rogol”

2. Pakar B mengatakan sangkaan ketidakupayaan kanak-kanak lelaki di bawah umur tiga belas tahun untuk melakukan rogol adalah bertentangan dengan prinsip Syariah. Akta dan enakmen Mahkamah Syariah mengambil perhatian isu berkaitan ini ketika mana menggubal Akta Keterangan Mahkamah Syariah;

“Ya, bagi saya seksyen ini perlu dipinda... kerana realitinya terdapat kes-kes yang melibatkan kanak-kanak di bawah umur tiga belas tahun ini. Untuk keterangan di bawah Syariah, kita tidak pun memasukkan seksyen ini ketika mana menggubal Akta Keterangan Mahkamah Syariah. Ia tidak selari dengan Islam

kerana dalam Islam kita mengambil umur baligh. Sekiranya kanak-kanak tersebut telah mencapai baligh, maka dia bertanggungjawab terhadap jenayah itu”

3. Pakar C menyatakan ketidaksesuaian seksyen ini dan mencadangkan untuk melihat semula kepada prinsip Syariah mengenai tanggungjawab jenayah kanak-kanak *mumayyiz*;

“Mengikut undang-undang Islam, kita ada tiga kategori umur.. Pertama, ‘ṣabiyy ḡair mumayyiz’. Kedua, ‘ṣabiyy mumayyiz, dan yang ketiga, baligh wa rāshid. Bagi saya, individu bawah umur tiga belas tahun adalah kanak-kanak mumayyiz yang mempunyai tanggungjawab jenayah. Mereka boleh dihukum, tetapi tidaklah sama dengan hukuman orang dewasa”

4. Pakar D bersetuju bahawa seksyen 113 Akta Keterangan ini tidak lagi sesuai dengan peredaran zaman pada masa kini;

“Seksyen ini tidak sesuai lagi... Gaya kehidupan kita telah banyak berubah hari ini. Tambahan pula memang ada data yang membuktikan perkara ini terjadi”

5. Pakar E turut menegaskan bahawa seksyen ini tidak selari dan harmoni dengan keadaan semasa pada hari ini;

“Bagi saya, seksyen ini perlu dimansuhkan.. sebab, saya fikir berdasarkan kes kes semasa, kanak-kanak lelaki sepuluh tahun pun boleh melakukan rogol.. Ia adalah anggapan...presumption... maka, kita perlu pindanya selari dengan keadaan semasa”

6. Pakar F menyatakan bahawa pindaan pada seksyen ini perlu dibuat dengan pengecualian daripada menyatakan umur tertentu;

“Saya fikir sekarang adalah masa yang terbaik untuk pinda seksyen ini... bukan sahaja pinda, tetapi mansuhkan seksyen ini... tak perlu sebut tentang umur.. sekarang ini semua orang boleh melakukan apa sahaja termasuk jenayah”

7. Pakar G mengakui bahawa seksyen ini tidak sesuai lagi pada masa kini disebabkan faktor akses yang mudah kepada bahan-bahan seksual;

“Seksyen ini kita boleh cadangkan untuk dihapuskan.. Mereka mampu... Dulu mungkin tidak mampu sebab tiada akses.. Realitinya mereka suka meniru orang lain..dan keinginan untuk tahu yang tinggi.. Mereka mampu pada hari ini sebab organ seksual mereka telah pun berkembang. Jadi, mereka boleh lakukan”

8. Pakar H menyuarakan bahawa penetapan umur kanak-kanak lelaki perlu merujuk kepada prinsip Syariah;

"Sebab itu la kita perlu rujuk semula undang-undang Islam.. sebab dalam undang-undang Islam, penentuan umur tu berdasarkan baligh"

9. Pakar I menyatakan bahawa pesalah kanak-kanak lelaki tetap perlu dihukum sekiranya melakukan rogol;

"Kanak-kanak lelaki di bawah tiga belas tahun yang merogol perempuan kena dihukum.. tapi dengan hukuman alternatif"

4. KESIMPULAN

Kesimpulannya, Seksyen 113 Akta Keterangan 1950 yang menganggap dengan sangkaan yang tidak boleh dipatahkan bahawa kanak-kanak lelaki di bawah umur tiga belas tahun tidak berupaya melakukan rogol ini dicadangkan untuk dipinda dan dimansuhkan. Ini kerana ia tidak bertepatan dengan prinsip Syariah dan tidak selari dengan peredaran zaman. Pesalah kanak-kanak perlu dipertanggungjawabkan dan diberikan hukuman alternatif agar mereka tetap mengambil pengajaran dan tidak mengulanginya pada masa hadapan. Selain itu, pindaan dan pemansuhan seksyen ini juga penting bagi melindungi hak mangsa rogol.

5. RUJUKAN

- Abū Dāwūd, Sulaiman bin Al-Ashath al-Sajastani. (2007). *Sunan Abu Dāwūd*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiah
- Al-Hutab Al-Ru'aini, Muhammad bin Muhammad bin Abdul Rahman (1992). *Mawahib al-Jalil*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr.
- Al-Nawawī, Muhyiddin Yahya bin Sharaf (1990). *Sharh Muslim*. Beirut, Lubnan: Dar al-Fikr Al-'Arabi.
- Al-Marghinani, Ali bin Abi Bakr bin Abdul Jalil (tanpa tarikh). *Bidayah Al-Mubtadi' fi Fiqh Imam Abi Hanifah*. Maktabah Muhammad Ali Subh.
- Al-Turi, Muhammad bin Hasan bin Ali (1997). *Takmilah al-Bahr al-Rā'iq*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Al-'Uthaimin, Muhammad bin Salih bin Muhammad (1997). *Al-Sharh Al-Mumti' 'ala Zad al-Mustaqqni'*. Dar Ibn Jauzi.
- Al-Zuhaily, Wahbah (2008). *Usul al-Fiqh al-Islami*. Dar al-Fikr.
- 'Awdah, Abdul Qadir (2005). *Al- Tashri' al-Jinaie al-Islami, Muqaranan bi al-Qanun al-Wud'ie*. Dar al-Kutub al-Ilmiah.
- Ibn Hibban, Muhammad bin Hibban bin Ahmad (1988). *Sahih Ibn Hibban*. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- Ibn Nujaim, Zainuddin Ibrahim Muhammad (1971). *Al-Bahr al-Rā'iq Sharh Kanz Al-Daqāiq*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Ilmiah.
- Mula Khasru, Muhammad bin Faramirz bin Ali. (tanpa tarikh). *Durar al-Hukkam Sharh Gharar al-Ahkam*. Beirut, Lubnan: Dar al-Kutub al-'Arabiyyah.
- Nor Ezdianie Omar, & Muhammad Noh Abdullah. (2020). Memahami Kehidupan Serta Impak Covid-19 Terhadap Generasi Y dan Z. *Malaysian Journal of Youth Studies*, 22, 5–15.

Thanuseeyah Varatharajoo, & Hilwa Abdullah @ Mohd Nor. (2020). Hubungan antara Ketagihan Pornografi dan Jenis Trait Personaliti dalam Kalangan Remaja Relationship between Pornography and Personality Traits Among Adolescents. *Jurnal Wacana Sarjana*, 4(2), 1–9.

Wan Abdul Fattah Wan Ismail, Ahmad Syukran Baharuddin, Lukman Abdul Mutalib, Zulfaqar Mamat, & Hasnizam Hashim. (2023). Kesan Ketiadaan Literasi Digital ke Arah Salah Laku Seksual dalam Kalangan Remaja Muslim di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 10(1), 91–107. <https://ejpi.kuis.edu.my/index.php/ejpi>

Zaidan, Abdul Karim (2006). *Al-Wajiz fi Usul al-Fiqh*. Al-Risalah Publishing House.

Mohd Hafizee Mohd Arop. (2019, Julai 2). Budak 12 tahun merogol anak asuhan. *HarianMetro*.

<https://www.hmetro.com.my/utama/2019/07/471316/budak-12-tahun-merogol-anak-asuhan>

Fardy Bungga. (2019, Ogos 15). Murid Tahun Lima rogol kakak sepupu 12 tahun. *Berita Harian*.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2019/08/596317/murid-tahun-lima-rogol-kakak-sepupu-12-tahun>

R.S.N. Murali. (2017, July 27). Seven-year-old boy raped girl? *The Star*.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2017/07/27/sevenyearold-boy-raped-girl-report-made-after-child-complains-of-pain/>

Bernama. (2017, Januari 18). Rogol berkumpulan: Budak lelaki 10 tahun antara yang dikehendaki di Labuan. *Astro Awani*.

<http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rogol-berkumpulan-budak-lelaki-10-tahun-antara-yang-dikehendaki-di-labuan-129433>

Mohd Roji Kawi. (2017, September 11). Budak 10, 11 tahun disyaki merogol. *Berita Harian*.

<https://www.bharian.com.my/berita/kes/2017/09/324259/budak-10-11-tahun-disyaki-merogol>

Nation. (2010, July 11). Young now reaching puberty at an early age. *The Star*.

<https://www.thestar.com.my/news/nation/2010/07/11/young-now-reaching-puberty-at-an-early-age>

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.